

27 OCT 2003

ePEROLEHAN-JUALAN/I

JUALAN PEMBEKAL KERAJAAN NAIK 40-100 PERATUS DENGAN ePEROLEHAN

PUTRAJAYA, 27 Okt (Bernama) -- Pembekal-pembekal kerajaan menikmati jualan yang menggalakkan hasil daripada penggunaan ePerolehan, sistem perolehan yang dimajukan di bawah projek aplikasi perdana e-kerajaan Koridor Raya Multimedia (MSC).

"Beberapa pembekal turut menikmati lebih daripada 40 peratus peningkatan untuk jualan, malah ada yang dapat lebih daripada 100 peratus," demikian menurut satu kenyataan yang dikeluarkan pada Hari Pengguna ePerolehan di sini.

Hari Pengguna ePerolehan yang diadakan di bangunan Kementerian Kewangan di sini, telah dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang juga merupakan Menteri Kewangan.

Terdahulu, Dr Mahathir menyampai award perkhidmatan cemerlang kepada kakitangan Perbendaharaan.

Selain daripada jualan yang tinggi, ePerolehan berjaya membantu pembekal-pembekal kerajaan mengendalikan perniagaan mereka dengan lebih cekap dan berkesan, sekali gus menolong mereka mengurangkan kos operasi, tambah kenyataan itu.

Kenyataan itu turut menyatakan yang transaksi bulanan ePerolehan telah melonjak sehingga RM12.612 juta pada bulan September 2003 daripada RM305,584 pada bulan Januari tahun ini.

Pada masa ini, 3,500 agensi kerajaan menggunakan ePerolehan manakala jumlah pembekal yang berdaftar dengan ePerolehan ialah 44,000.

Seperti mana yang terkandung di dalam pekeliling Perbendaharaan, perolehan kerajaan hanya dilakukan dengan para pembekal yang berdaftar dengan ePerolehan.

-- BERNAMA

MAD MR AA